

'Italy' juara Bola Sepak 9 Sebelah Piala Pengarah UMS-KAL

Oleh Azri Onn Othman

LABUAN : Pasukan 'Italy' muncul juara Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 2010 yang diadakan di Padang UMS-KAL pada 9 April 2010.

Penyerang bahaya Italy, Wirentino Martin muncul wira apabila menjaringkan gol kemenangan pasukannya mengatasi Brazil 1-0 di perlawanan akhir yang mendebarkan dan penuh dengan aksi menarik kedua-dua pasukan.

Wirentino juga dipilih sebagai pemain pilihan pengarah untuk mendapat satu set jersi dan stokin.

Dengan kemenangan itu, Italy membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM400, jersi, stokin, medal, hamper, simpack dan piala pusingan.

Brazil selaku naib johan meraih RM200, jersi, stokin, medal, hamper dan simpack.

Sebelum memasuki perlawanan akhir, Italy menewaskan Belanda 1-0 dan Brazil juga menang ke atas Greece 1-0 di peringkat separuh akhir.

Belanda menduduki tempat ketiga selepas menang tanpa bertanding ke atas pasukan Greece (Staf) untuk memenangi RM100, jersi, stokin, medal, hamper dan simpack manakala Greece mendapat

hamper dan simpack.

Kejohanan itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pelajar dan kakitangan selain memilih pemain terbaik untuk mewakili UMS-KAL.

Semua hadiah disampaikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Ormang Al-Haj.

Turut hadir penyelaras pertandingan, Suffian Osman dan pengarah program, Gogilan A/L Murugaiah.

Dalam ucapannya, Dr Shariff berharap pelajar yang memiliki bakat supaya meneruskan kehandalan mereka bermain bola sepak ke peringkat lebih tinggi sehingga mampu mewakili negara pada masa akan datang.

Katanya, pemain yang baik biasanya memiliki disiplin yang tinggi, bekerja keras, sentiasa mematuhi arahan jurulatih dan bersiap sedia menghadapi pelbagai rintangan termasuk latihan yang lasak.

"Ketika di universiti pelajar seharusnya menunjukkan kebolehan mereka di bidang sukan bukan sahaja untuk mewakili universiti tetapi negara pada masa akan datang," katanya.

